

Kaedah Terjemahan Kata Kerja dalam al-Quran: Analisis surah al-Baqarah dalam Tafsir Nur al-Ihsan

Mohd Fahimi Zakaria

Centre for Fundamental Studies, Management and Science University
40200 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Pengarang Penghubung
mohd_fahimi@msu.edu.my

Received: 20 December 2020

Accepted: 9 February 2021

Online First: 10 March 2021

ABSTRAK

Terjemahan merupakan salah satu bidang pengajian ilmu bahasa gunaan atau linguistik terapan yang semakin berkembang berikutan kewujudan kepelbagaian bahasa dunia yang menjadi faktor kemunculan bidang terjemahan. Terjemahan al-Quran merupakan antara bidang terjemahan yang penting khususnya kepada masyarakat Islam yang tidak menguasai bahasa Arab. Ini adalah kerana melalui terjemahan al-Quran, pembaca dapat memahami isi kandungan al-Quran seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Namun sebagai pengkaji bidang terjemahan al-Quran, terjemahan bukan sahaja dilihat dari segi teks bahasa sasaran atau makna yang dihasilkan sahaja sebaliknya aspek prosedur terjemahan yang dipakai oleh penterjemah ketika melakukan proses penterjemahan al-Quran. Maka, kajian ini bertujuan untuk menganalisis prosedur yang digunakan oleh penterjemah ketika menterjemahkan kata kerja perintah di dalam al-Quran. Kajian hanya menumpukan analisis pada surah al-Baqarah dalam Tafsir Nur al-Ihsan Jilid 1 yang ditulis oleh Muhammad Said Umar pada tahun 1925. Sebanyak 10 contoh ayat berserta terjemahan terpilih yang mengandungi kata kerja perintah, dianalisis dengan melihat



kepada prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Prosedur tersebut kemudian dilihat dari teori terjemahan seperti yang diperkenalkan oleh sarjana dalam bidang terjemahan. Kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini juga turut menggunakan kaedah pemerhatian dan penerangan iaitu teks terjemahan tersebut dianalisis kemudian diterangkan prosedur yang dipakai oleh penterjemah. Dapatan kajian ini mendapati bahawa penterjemah sering memilih prosedur terjemahan literal dan terjemahan perkataan demi perkataan selain beberapa prosedur terjemahan lain yang turut digunakan oleh penterjemah.

Kata kunci: *Bahasa Arab, prosedur terjemahan, terjemahan al-Quran, terjemahan Arab-Melayu*

Methods of Translating Verbs in the al-Quran: An Analysis of surah al-Baqarah from Tafsir Nur al-Ihsan

ABSTRACT

Translation is one of the areas of applied linguistics that has grown following the emergence of a global diversity of languages that has led to the emergence of translation fields. Quranic translation is one of the important fields of translation especially for those muslim who don't have background of Arabic studies. This is because through the translation of the Quran, the reader can understand the contents of the Quran and then practice it in daily life. But as a researcher in the field of Quranic translation, translation is not only seen in terms of the target language text or the meaning it produces but rather the aspect of the translation procedure used by the translator during the process of translating the Quran. Therefore, this study aims to analyze the procedure used by translators when translating verbs in the order form in the Quran. The study focuses only on the analysis of the al-Baqarah chapter in the Tafsir Nur al-Ihsan written by Muhammad Said Umar in 1925. A total of 10 sample sentences with selected translations containing the verbs in the order form, then analyzed the translation by looking at the translation procedure used by the translator. The procedure is then viewed from the theory of translation as introduced by scholars in the field of

translation. This study is a library study using a qualitative approach. This approach also uses the method of observation and explanation in which the translated text is analyzed and then explained the procedure used by the translator. The findings of this study show that translators often choose the literal translation and word by word translation procedures as well as several other translation procedures that are also used by the translator.

Keywords: *Quranic translation, Translation procedure, Arabic-Malay translation, Arabic*

PENGENALAN

Tafsir Nur al-Ihsan merupakan salah sebuah terjemahan al-Quran yang ditulis oleh Haji Muhammad Said Umar dalam tulisan Jawi. Menurut Bahrum dan Haziyah (2014: 33-34), tafsir Nur al-Ihsan mula ditulis pada tahun 1344H/1925M dan selesai penulisannya pada tahun 1346H/1927M yang kemudiannya dicetak kali pertama di Mekah (1346H/1929M), Bangkok (1934) dan Pulau Pinang (1936). Seperti yang dinyatakan sendiri oleh Haji Muhammad Said (1391H: 2) usaha penterjemahan ini dilakukan setelah diminta oleh sebahagian pelajarinya agar diterjemahkan al-Quran ke dalam dialek Kedah supaya mereka lebih memahami isi kandungan al-Quran. Rujukan utama dalam penghasilan tafsir Nur al-Ihsan ini ialah Tafsir al-Jalalain, al-Baidhawi dan al-Jamal (Muhammad Said, 1391H: 2).

Oleh kerana Tafsir Nur al-Ihsan mengandungi teks terjemahan, maka kajian dijalankan untuk melihat secara khusus prosedur yang digunakan oleh Haji Muhammad Said Umar dalam proses penterjemahan beliau. Seperti terjemahan genre lain mempunyai kaedah dan prosedur tertentu, maka terjemahan al-Quran juga mempunyai kaedah dan prosedur yang tersendiri. Kedua-dua istilah kaedah dan prosedur adalah sama menurut sarjana terjemahan seperti Newmark (1988), Vinay dan Darbelnet (1995) dan Hervey dan Higgins (1992), namun Newmark (1988: 81) membezakan sedikit antara kaedah dengan prosedur iaitu kaedah melibatkan kesemua teks manakala prosedur pula hanya melibatkan unit kecil seperti ayat dan perkataan.

Sementara penterjemahan al-Quran melibatkan pelbagai kaedah dan prosedur terjemahan kerana ia mengandungi ayat *al-muhkamat* (jelas) dan *al-mutashabihat* (samar) selain terdapat beberapa kekangan dan batasan seperti batasan leksikal, semantik, struktur, retorik dan budaya (Idris, 2019: 71) yang menjadi cabaran kepada penterjemah al-Quran. Muhammad Arsyad (2009: 412) berpandangan bahawa penterjemahan al-Quran bukanlah suatu yang mudah kerana melibatkan beberapa disiplin ilmu yang perlu dipatuhi oleh penterjemah seperti penguasaan bahasa teks sumber dan teks sasaran, penguasaan tatabahasa dan pemahaman kedua-dua budaya kerana teks sumber mempunyai matlamat yang murni untuk mempengaruhi minda pembaca bahasa sasaran melalui penyampaian matlumat dan pengetahuan serta proses mengubah kehidupan sama ada bersifat fizikal atau mental.

Memahami penterjemahan al-Quran suatu yang penting, maka kajian ini menumpukan beberapa sampel ayat terpilih dari surah al-Baqarah dalam Tafsir Nur al-Ihsan Jilid 1 secara khusus ayat yang hanya mengandungi kata kerja perintah (أفعال الأمر) untuk melihat prosedur terjemahan yang digunakan oleh Haji Muhammad Said. Pengkaji memilih istilah prosedur dalam kajian ini supaya difahami secara khusus seperti yang dinyatakan oleh Newmark (1988: 81) iaitu pendekatan terjemahan yang hanya melibatkan unit kecil iaitu ayat dan perkataan sahaja. Menurut kajian, penterjemahan al-Quran secara umum menggunakan prosedur terjemahan kerana penterjemah perlu mengambil kira motif keagamaan iaitu memelihara semaksimum mungkin susunan dan maksud setiap kata yang diterjemahkan daripada al-Quran literal (Ahmad Nazuki, Azman & Nur Hafizah, 2019: 121; Bahrum & Haziyah, 2014: 37; Mohd Shukri, 2003: 215).

TERJEMAHAN AL-QURAN DI MALAYSIA

Terjemahan bahan agama khususnya al-Quran ke dalam bahasa Melayu bermula sejak kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu pada tahun 840 melalui pemerintahan Sultan Alaidin Syed Maulana Abdul Aziz Syah di Perlak yang menjadi pencetus awal dalam dunia penyebaran ilmu-ilmu Islam melalui penulisan dan penterjemahan buku agama (Hashim & Halimah, 2012: 110). Menurut Hashim dan Halimah (2012: 112) lagi, sebanyak 900 judul berbeza yang terdiri daripada bidang fekah, aqidah dan usuluddin, nahu Arab, hadith, tasawuf dan tariqat, akhlak, doa, wirid dan munajat,

kisah anbiya yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan tulisan jawi yang dikenali sebagai ‘kuning kuning’.

Berdasarkan bukti sejarah dan peradaban Melayu, terjemahan al-Quran dimulakan selepas kemasukan orang Arab melalui kerajaan Melayu Melaka dan mereka tinggal di Tanah Melayu atas faktor perniagaan, perkahwinan dan penyebaran agama Islam (Zainur Rijah & Rosni, 2007: 28). Idris (2015: 70) mendapati bahawa faktor keislaman yang kuat di dalam diri orang Melayu khususnya sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 mendorong mereka untuk mempelajari bahasa Arab yang menjadi teras bahasa al-Quran. Mohd Shukri (2003: 131) mengatakan bahawa penterjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu bermula pada tahun 1937 yang diasaskan oleh Muhammad Ma'dah bin Layang yang berpusat di Negeri Sembilan.

Menurut Mohd Shukri (2003: 132) lagi, penterjemahan al-Quran pada peringkat awal menekankan kefahaman secara literal sahaja disebabkan pada masa itu masih ramai orang Islam tidak memahami ilmu-ilmu bahasa Arab khususnya sintaksis, morfologi dan retorik yang menjadi alat penting untuk memahami al-Quran. Hassan (2001: 200) menegaskan bahawa bahasa Arab berbeza dengan bahasa al-Quran dari segi makna literal dengan makna tafsir, bahkan penterjemahan al-Quran hanya boleh dilakukan oleh orang Islam yang memahami bahasa Arab dengan baik. Sementara Idris (2019: 73) pula merumuskan walaupun usaha penterjemahan al-Quran pada peringkat awal dilarang oleh sarjana Islam kerana al-Quran merupakan mukjizat dan mempunyai bahasa khusus yang tidak mampu disampaikan dalam bahasa lain, namun ia dibolehkan jika bertujuan untuk memberi kefahaman kepada golongan pembaca yang tidak memahami bahasa Arab kerana terjemahan merupakan satu-satunya jalan penyelesaian.

Justeru, penterjemahan al-Quran sewajarnya mempunyai garis panduan dan kawalan dari segi latar belakang penterjemah, pendidikan, kepakaran dan kemampuan yang baik dalam bahasa Arab supaya hasil terjemahan al-Quran tersebut dapat membantu pembaca untuk memahami isi kandungan al-Quran dengan konsep yang betul. Kawalan ini mestilah daripada agensi kawalan yang ada di Malaysia seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia di samping tertakluk pada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) dan Akta Pencetakan Teks al-Quran 1986 (Akta 326) (Kasyfullah & Idris, 2015: 35).

Selain agensi penguatkuasaan, kajian Muhammad Firdaus dan Maheram (2018: 17) mendapati bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Penterjemah Malaysia dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia juga memainkan peranan yang penting dalam bidang terjemahan Arab-Melayu walaupun jumlah buku terjemahan masih lagi tidak mencukupi kehendak pasaran selain bahan terjemahan hanya terbatas kepada bidang-bidang tertentu sahaja. Terjemahan al-Quran pertama ditulis oleh Abdullah Basmeh pada tahun 1970 yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri yang dikenali sebagai ‘Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran’ dan pada tahun 1992 Dewan Bahasa dan Pustaka pula menerbitkan terjemahan al-Quran yang dikenali sebagai ‘al-Quran al-Karim, Terjemahan dan Huraian’ (Mohd Shukri, 2003: 134)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini berasaskan analisis teks sepenuhnya iaitu melihat prosedur terjemahan yang digunakan oleh Haji Muhammad Said Umar khusus dalam Tafsir Nur al-Ihsan Jilid 1 cetakan ketiga yang diterbitkan di Pattani, Thailand pada tahun 1391H/1972M. teks yang dianalisis melibatkan sampel ayat yang mengandungi kata kerja perintah (أفعال الأمر) sahaja dengan memberi fokus kepada prosedur terjemahan yang dipakai oleh Haji Muhammad Said Umar ketika menterjemahkan kata kerja perintah. Hasil terjemahan yang diperolehi tersebut dibandingkan dengan teori terjemahan yang sesuai seperti yang dibahaskan oleh sarjana terjemahan seperti Newmark (1988), Vinay dan Darbelnet (1995), Hervey dan Higgins (1992), Munday (2009) dan Nida (1964) dengan sokongan kajian-kajian yang dibuat oleh pengkaji ilmu terjemahan di Malaysia.

Namun begitu, kajian ini lebih fokus kepada teori Newmark (1988) kerana teori beliau didapati lebih jelas membezakan antara kaedah dan prosedur menjadikan ianya selari dengan istilah prosedur yang digunakan dalam kajian ini. Selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Idris (2014: 58) bahawa Newmark dengan jelas membezakan ‘kaedah’ dengan ‘prosedur’; iaitu ‘prosedur’ merujuk kepada pendekatan terjemahan yang melibatkan unit kecil seperti ayat dan perkataan. Scopus kajian ini melibatkan 10 sampel ayat dari surah al-Baqarah yang mengandungi kata kerja perintah iaitu ayat 13, 21, 23, 24, 31, 38, 54, 93, 104 dan 110.

DAPATAN KAJIAN

Berikut ialah beberapa contoh terjemahan kata kerja perintah dalam surah al-Baqarah berpandukan Tafsir Nurul Ihsan Jilid 1 (1931):

Contoh 1

Teks sumber

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ... (٣١)

Teks terjemahan

Dan apabila dikata bagi mereka itu beriman oleh kamu seperti barang yang beriman manusia sahabat-sahabat nabi... (13)

Perkataan آمِنُوا diterjemah kepada *beriman oleh kamu* melalui prosedur terjemahan literal dan kemungkinan mengandungi prosedur terjemahan perkataan demi perkataan kerana didapati terjemahan ini kurang peka pada kehendak sistem tatabahasa bahasa sasaran. Perkataan *beriman* lebih sesuai dengan kata kerja semasa (فعل مضارع). Justeru bagi pembaca yang kurang mendalami ilmu bahasa Arab kemungkinan akan keliru sama ada ia berbentuk kenyataan atau perintah. Pengkaji berpendapat bahawa cadangan terjemahan yang lebih sesuai ialah *berimanlah* atau dengan menambah perkataan *hendaklah beriman* kerana ia lebih peka pada sistem tatabahasa bahasa Melayu. Walaupun prosedur terjemahan literal berbeza sedikit dengan terjemahan perkataan demi perkataan, namun Munday (2009: 204) mengatakan kedua-dua prosedur ini membawa definisi yang sama.

Contoh 2

Teks sumber

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ... (٢١)

Teks terjemahan

Hai segala manusia, sembah oleh kamu akan tuhan kamu yang menjadi akan kamu... (21)

Berdasarkan contoh 2, didapati penterjemah menggunakan prosedur yang sama seperti contoh 1 iaitu terjemahan literal apabila perkataan اعْبُدُوا menjadi *sembah oleh kamu* tanpa mengandungi unsur kata kerja perintah seperti *sembahlah* atau *hendaklah sembah*. Menurut Catford (1978:25) pula kemungkinan dalam prosedur terjemahan literal dengan terjemahan perkataan demi perkataan akan menghasilkan prosedur baharu iaitu prosedur

penambahan yang boleh membawa kepada perubahan struktur ayat seperti penambahan *oleh kamu* yang diterjemah daripada fungsi wau al-jama' (وا) yang sekaligus menjadikan ia bersalahan dengan sistem bahasa Melayu. Terjemahan kata kerja perintah yang betul ialah dengan penambahan partikel *-lah* seperti yang disarankan oleh Nik Safiah et. al (2015: 449) untuk menunjukkan kelembutan di samping penegasan ke atas predikat.

Contoh 3

Teks sumber

(وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ... (٢٣)

Teks terjemahan

Dan jika ada kamu pada syak daripada Quran yan telah kami turun atas hamba kami Muhammad adakah daripada Allah atau tiada maka bawa datang oleh kamu dengan satu surah daripada seumpamanya... (23)

Contoh 3 pula didapati berlaku prosedur penambahan kata kerja baharu iaitu *datang* pada terjemahan perkataan *فأتوا* yang memadai dengan salah satu terjemahan sahaja sama ada *bawa* atau *datang*. Newmark (1988: 91-92) menyatakan prosedur penambahan ini kategori *addition within the text* yang dapat dilihat apabila ayat *فأتوا* yang bermaksud *bawa* ditambah lagi dengan perkataan *datang* sebagai memberi kefahaman kepada pembaca. Namun bagi pembaca yang tidak memahami bahasa Arab, maka mereka akan keliru yang mana maksud sebenar sama ada *bawa* atau *datang*. Selain itu, prosedur ini juga kadangkala membawa implikasi negatif kerana boleh mengganggu tumpuan pembaca, menimbulkan keadaan tidak selesa dan menyukarkan mereka sekiranya bab tersebut terlalu panjang (Idris, 2014: 59). Pemilihan prosedur penambahan pada contoh 3 ini dilihat dapat menjelaskan kesamaran antara perkataan *bawa* dengan *bawa datang*. Sementara prosedur terjemahan literal masih dikekalkan seperti contoh-contoh sebelum ini yang mana penterjemah tidak memasukkan unsur kata kerja perintah seperti *bawalah*, *datanglah* atau *bawa datanglah* yang sekaligus menjadikan terjemahan ini kurang peka pada sistem tatabahasa bahasa Melayu.

Contoh 4

Teks sumber

(فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ... (٢٤)

Teks terjemahan

Maka jika tiada boleh kamu perbuat sekarang ini dan tiada boleh kamu perbuat ke hadapan juga, maka hendaklah kamu takut akan neraka dengan beriman dengan Allah dan bahawa Quran kalam Allah bukan kalam manusia... (24)

Melalui contoh 4, didapati penterjemah menggunakan prosedur terjemahan literal yang lebih baik berbanding contoh yang sebelum. Ini adalah kerana terjemahan *hendaklah* menepati sistem kata kerja perintah dalam bahasa sasaran kerana memasukkan partikel *-lah* (Nik Safiah et. al: 2015). Namun, terjemahan yang baik memadai dengan *takutlah* memandangkan bahasa Melayu tidak mempunyai *jumlah fi'liyyah*, maka pelaku (*fa'il*) tidak perlu diterjemahkan (Mohd Hilmi, 2012: 59). Justeru, terjemahan pelaku iaitu *kamu* boleh digugurkan untuk menghormati sistem tatabahasa bahasa sasaran selari dengan saranan Puteri Roslina (2012: 125) bahawa penterjemah tidak perlu terjemahkan dari segi konteks bahasa sumber seperti padanan satu lawan satu, sebaliknya menggunakan konteks dalam bahasa sasaran. Oleh itu, prosedur terjemahan yang digunakan dalam contoh ini masih mengekalkan prosedur terjemahan seperti contoh yang sebelum.

Contoh 5

Teks sumber

فَقَالَ أَنبِيُّنِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ... (١٣)

Teks terjemahan

...maka firman-Nya khobar oleh kamu akan daku dengan sekalian nama-nama mereka itu yang mempunyai nama... (31)

Perkataan أَنبِيُّنِي diterjemah menjadi *khobar oleh kamu* yang masih mengekalkan terjemahan literal dengan penambahan *oleh kamu* yang tidak peka kepada sistem bahasa sasaran. Prosedur terjemahan diterima oleh kebanyakan sarjana terjemahan kerana ia masih betul dari segi makna, namun masih lagi belum sempurna kerana prosedur ini hampir sama dengan terjemahan perkataan demi perkataan yang terikat dengan tatabahasa dan struktur asal bahasa sumber walaupun terdapat kalangan sarjana terjemahan

yang membezakan antara kedua prosedur ini (Idris, 2019: 76-78). Cadangan terjemahan yang baik ialah *khabarkanlah* dengan memasukkan imbuhan *-kan* untuk menjadikan ia kata kerja transitif (Nik Safiah at. el, 2015: 471) dan partikel *-lah* yang berfungsi sebagai kata kerja perintah yang menepati kehendak bahasa sasaran. Maka, terjemahan ini masih kurang menepati sistem bahasa sasaran seperti contoh yang lepas disebabkan terjemahan ini terikat dengan struktur bahasa sumber.

Perkataan *khbar* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab iaitu خبر yang telah diterima pakai dalam kosa kata bahasa Melayu. Menurut Idris (2015: 72) polisi peminjaman bahasa asing salah satu bentuk yang menyumbang kepada proses perkembangan bahasa Melayu seperti peminjaman daripada bahasa Arab yang berlaku dalam kebanyakan konsep yang berkaitan dengan agama Islam. Ainon dan Abdullah (2010: 255) berkata melalui peminjaman ia dapat melancarkan proses komunikasi antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran, namun ia digemari oleh penterjemah yang malas berfikir dan tidak kreatif. Pengkaji secara peribadi setuju bahawa prosedur peminjaman tidak dapat dipisah dalam dunia penterjemahan seperti yang ditegaskan oleh sarjana yang memperkenalkan prosedur peminjaman iaitu Vinay dan Darbelnet (1995: 31) menyebut bahawa peminjaman dapat mengatasi perbezaan budaya dan teknikal antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran.

Contoh 6

Teks sumber

قُلْنَا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا... (٨٣)

Teks terjemahan

Kami kata turun oleh kamu ya Adam daripadanya syurga sekalian kamu ke bumi... (38)

Perkataan اهبطوا dalam contoh 6 berasal daripada perkataan هبط yang mengandungi beberapa makna antaranya ‘turun’, ‘mendarat’, ‘berkurang’, ‘lemah’, ‘hina’, ‘rendah diri’, ‘mamasuki’, ‘mendiami’, ‘menetap’ (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006: 2478). Dari segi linguistik, penterjemah dianggap memilih perkataan yang umum iaitu *turun* bagi memelihara makna al-Quran yang mengandungi pelbagai makna sekaligus penterjemah berusaha untuk memberi kefahaman kepada pembaca melalui terjemahan yang selamat (Hassan Mustafa, 2001: 201). Jika penterjemah memilih

terjemahan lain seperti *mendarat* sebagai contoh, kemungkinan akan timbul salah faham dalam kalangan pembaca yang hanya membaca terjemahan tanpa memahami bahasa Arab dan membaca tafsiran secara mendalam.

Dari segi terjemahan pula, perkataan *turun* tiada unsur perintah yang pembaca mungkin akan keliru jenis kata kerja اهبطوا sama ada kata kerja lampau, semasa atau perintah. Oleh itu, adalah lebih jelas fungsi terjemahan tersebut dengan penambahan partikel *-lah* untuk menegaskan predikat seperti yang dinyatakan oleh sarjana bahasa sasaran (Asmah, 1986: 210; Nik Safiah et. al, 2015: 449). Maka, terjemahan yang dicadangkan ialah *turunlah* yang dilihat lebih memelihara struktur dan sistem bahasa sasaran dan pembaca bahasa sasaran yang bergantung sepenuhnya dengan terjemahan akan lebih faham bahawa ia merupakan kata kerja perintah. Seterusnya penambahan *ya Adam* dari segi sistem bahasa sumber kurang tepat kerana kata ganti nama tersembunyi (damir mustatir) dalam اهبطوا merujuk kepada makna banyak (*jama'*) dan bukan tunggal (*mufrad*) seperti yang ditambah oleh penterjemah. Jika dirujuk dari segi tafsir sekalipun, perintah ini merujuk kepada kata ganti nama banyak (*damir jama'*) iaitu Adam, Hawa dan Iblis (Hamka, 2015: 151; al-Sabuni, 1399H: 51). Prosedur terjemahan literal masih dikekalkan seperti dalam contoh sebelum ini, namun penambahan yang digunakan adalah kurang tepat sama ada dari segi bahasa mahupun tafsiran.

Contoh 7

Teks sumber

فَتُوبُوا إِلَىٰ بَارِئِكُمْ فَاقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ... (٥٤)

Teks terjemahan

...maka hendaklah taubat kamu kepada tuhan yang menjadikan kamu daripada sembah a'jal itu, maka bunuh oleh kamu akan diri kamu erti hendaklah bunuh orang yang baik yang tiada menyembah a'jal itu akan orang yang berdosa yang menyembah a'jal... (54)

Terdapat dua kata kerja perintah dalam contoh 7 iaitu توبوا dan اقتلوا. Penterjemah menambah kata suruh *hendaklah taubat* untuk menunjukkan fungsi perintah yang dilihat wujud struktur bahasa sasaran dalam terjemahan tersebut berbanding terjemahan yang kedua yang sekali tiada unsur perintah apabila terjemahan *bunuh* yang pembaca mungkin akan keliru jenis kata

kerja yang wujud. Seperti contoh 5, perkataan *taubat* juga masih dikira kata pinjam daripada bahasa Arab iaitu توبة yang telah diterima masuk dalam kosa kata bahasa Melayu seperti yang disebutkan oleh Idris (2015) sebelum ini. Namun perkataan lain yang mungkin boleh digunakan selain *taubat* ialah *mintalah keampunan* atau *mohonlah kemaafan*.

Namun pengkaji berpendapat bahawa prosedur peminjaman seperti ini bukanlah suatu yang pelik dalam konteks bahasa sumber sangat berkait rapat dengan bahasa sasaran khususnya di Malaysia yang memartabatkan bahasa sumber sebagai bahasa agama Islam selepas kemerdekaan pada tahun 1957 termasuklah aktiviti penterjemahan al-Quran seperti *Tafsir pimpinan al-Rahman* oleh Abdullah Basmeih pada tahun 1972 (Mohd Hilmi, 2015: 6), bahkan peminjaman secara tidak langsung akan menjadikan bahasa sasaran lebih moden seperti bahasa-bahasa lain yang juga mengalami proses peminjaman. Terjemahan اقتلوا pula masih sama dengan mengekalkan prosedur terjemahan literal seperti contoh 4 yang menjadi pilihan kebanyakan penterjemah al-Quran kerana mengambil kira motif keagamaan dengan memelihara semaksimum mungkin susunan dan maksud setiap kata (Ahmad Nazuki et. al, 2019: 121).

Contoh 8

Teks sumber

...وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمْ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَاسْمِعُوا... (93)

Teks terjemahan

... dan kami angkat pada atas kepala kamu itu bukit thur ketika membantah kamu daripada terimanya supaya hendak dijatuh akan dia atas kamu dan kami kata ambil oleh kamu akan barang yang kami datang akan kamu itu dengan bersungguh-sungguh dan ijihad dan dengar oleh kamu (akan barang yang disuruh akan kamu dengannya akan sebagai dengar terima... (93)

Contoh 8 terdapat dua kata kerja perintah iaitu خذوا dan اسمعوا. Terjemahan خذوا masih mengekalkan prosedur terjemahan literal seperti contoh 4, namun terjemahan اسمعوا ditambah dengan huraian dalam kurungan iaitu (akan barang yang disuruh akan kamu dengannya akan sebagai dengar terima) sekaligus menghasilkan prosedur terjemahan baharu iaitu prosedur penambahan. Prosedur ini digunakan oleh sarjana terjemahan tetapi dengan istilah yang berbeza seperti prosedur penambahan

(Newmark, 1988: 91-92), teknik penambahan (Nida, 1964: 227) dan teknik ekplisitasi (Vinay dan Darbelnet: 1995: 342). Prosedur ini mementingkan huraian kepada pembaca seperti yang dinyatakan oleh Mohd Shukri (2003: 21). Prosedur ini juga dikenali sebagai terjemahan *tafsiriyyah* atau *maknawiyyah* iaitu penterjemah mementingkan makna dan fungsi bahasa sumber tanpa terikat dengan struktur dan sistem bahasa bahasa sumber sebaliknya meraikan bahasa sasaran.

Tindakan penterjemah meletakkan kurungan dianggap dapat membezakan antara makna literal dengan makna huraian dan hal ini membantu pembaca yang tiada memahami bahasa Arab dua makna iaitu makna dari segi literal (*harfiyyah*) dan makna huraian (*tafsiriyyah*). Muhammad Arysad (2009: 71-73) turut berpendapat bahawa prosedur terjemahan literal dengan terjemahan makna menjadi pilihan penterjemah al-Quran, namun jika penterjemah memilih terjemahan literal maka mereka perlu berhati-hati kerana terjemahan literal membawa pelbagai makna. Justeru adalah lebih selamat jika penterjemah memakai prosedur terjemahan penambahan (Newmark: 1988; Vinay & Darbelnet: 1995; Nida: 1964) kerana prosedur ini beserta penjelasan yang berguna kepada pembaca di samping boleh menjauhkan pembaca dari kefahaman yang menyalahi kehendak sebenar al-Quran kerana pembaca tidak dapat memahami konteks bahasa sasaran dengan baik (Muhammad Firdaus & Mohd Hazwan, 2016: 112).

Contoh 9

Teks sumber

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا انظُرْنَا وَاسْمَعُوا... (١٠٤))

Teks terjemahan

...dan kata oleh kamu nanti akan kami hingga kami hafaz barang yang engkau ajarkan akan kami itu dan dengar oleh kamu akan dengar terima... (104)

Terjemahan قولوا masih mengekalkan prosedur terjemahan literal yang kelihatan canggung kerana terjemahan tersebut tidak mengikut struktur dan sistem bahasa sasaran. Namun terjemahan انظُرْنَا dan اسمعوا mempunyai elemen penambahan yang boleh dianggap suatu penjelasan kepada pembaca bahasa sasaran. Prosedur penambahan dalam teks seperti ini memberi fokus kepada isi kandungan bahasa sumber, kemudian dijelaskan mengikut

kemampuan penterjemah. Prosedur terjemahan penambahan ini termasuk dalam terjemahan makna yang juga dikenali dengan pelbagai nama lain seperti terjemahan bebas (Munday, 2009: 191), terjemahan tidak langsung (Muhammad Aryad, 2009: 71), terjemahan *tafsiriyyah* (Mohd Shukri, 2003: 20), terjemahan tidak sepenuhnya atau sebahagian (Bahrum & Haziyah, 2014: 36) dan terjemahan makna demi makna (Idris, 2014: 60).

Contoh 9 masih mengaplikasi prosedur terjemahan literal (Newmark, 1988: 68) bagi قولوا dan terjemahan penambahan (Newmark, 1988: 91) bagi انظرونا و اسمعوا. Meskipun begitu, penterjemahan masih mengekalkan gaya yang sama dengan contoh yang sebelum ini iaitu penambahan *oleh kamu* (banyak) atau *oleh engkau* (tunggal) yang dianggap tidak peka dengan sistem tatabahasa bahasa sasaran. Ini adalah kerana bahasa sasaran kata kerja perintah mesti mengandungi partikel *-lah* untuk menegaskan prediket seperti ‘ambillah’ dan ‘pulanglah’ (Asmah, 1986: 210). Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Hilmi (2015: 59) sebelum ini bahawa sistem bahasa sasaran tidak mempunyai ayat kerjaan (*jumlah fi’liyyah*), maka bahasa sasaran tidak perlu menterjemahkan pelaku (*fa’il*), sebaliknya hendaklah menjadikan pelaku sebagai subjek atau predikat sahaja bergantung kepada jenis kata kerja.

Contoh 10

Teks sumber

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ... (١١٠)

Teks terjemahan

Dan diri oleh kamu akan sembahyang lima waktu dan keluar oleh kamu akan zakat harta... (110)

Kedua-dua kata kerja perintah *أقيموا* dan *آتوا* dalam contoh 10 didapati mengaplikasi prosedur penambahan iaitu penterjemah menambah ayat *lima waktu* sebagai penjelasan kepada makna *sembahyang* dan *harta* sebagai penjelasan kepada makna *zakat*. Seperti yang disebutkan sebelum ini bahawa dalam konteks penterjemahan al-Quran, prosedur ini dikenali sebagai terjemahan maknawiyah atau tafsiriyyah yang menekankan aspek makna sahaja kerana al-Quran mempunyai nilai yang tinggi dari segi rahsia susunan perkataan dan kehalusan maknanya yang mengandungi mukjizat yang tidak dapat diterjemahkan oleh manusia (Mohd Shukri, 2003: 21).

Namun sekali lagi, terjemahan *diri oleh kamu* dan *keluar oleh kamu* masih mengekalkan prosedur literal bahkan boleh juga dianggap terjemahan perkataan demi perkataan yang kabur dan keliru dari segi makna dalam bahasa sasaran. Jika penterjemah ingin memilih terjemahan *diri*, maka terjemahan yang lebih peka kepada sistem bahasa sasaran mungkin ‘dirikanlah’ kerana *diri* bukan kata kerja tetapi ia ialah kata nama yang bermaksud ‘batang tubuh’, ‘orang’ dan ‘empunya badan’ (Kamus Dewan, 2015: 354) dan jika penterjemah ingin menjadikannya sebagai kata kerja, maka hendaklah menambah imbuan akhiran *-kan* sebagai pengubah golongan kata (Asmah, 1986: 135) iaitu ‘dirikan’. Seterusnya menambah partikel *-lah* untuk memberikan makna kata kerja suruhan seperti yang dijelaskan oleh Asmah (1986: 210) dalam contoh sebelum ini iaitu ‘dirikanlah’. Hal yang sama berlaku kepada *أتوا* yang diterjemahkan kepada *keluar* sedangkan *keluar* ialah kata kerja tak transitif yang tidak memerlukan objek sesudahnya (Nik Safiah et. al, 2015: 88), sebaliknya perkataan *أتوا* merupakan kata kerja transitif yang memerlukan objek (*maf’ul bihi*) sesudahnya iaitu *الزكاة*. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar terjemahan yang lebih jelas ialah ‘keluarkanlah’ jika penterjemah ingin mengekalkan perkataan *keluar* atau gantikan dengan terjemahan lain yang lebih jelas seperti ‘tunaikanlah’ yang dianggap lebih peka kepada sistem bahasa sasaran.

KESIMPULAN

Hasil analisis yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa penterjemah cenderung mengaplikasi prosedur terjemahan literal dan terjemahan perkataan demi perkataan selain prosedur penambahan dan meminjaman Berdasarkan perbezaan antara terjemahan literal dengan terjemahan perkataan demi perkataan yang dijelaskan oleh Newmark yang menjadi asas utama dalam kajian ini, maka pengkaji berpendapat bahawa penterjemah mengutamakan terjemahan perkataan demi perkataan berbanding terjemahan literal. Ini dapat dilihat apabila penterjemah memilih perkataan seperti *oleh* ketika menterjemahkan kata ganti nama tersembunyi (*damir mustatir*) dalam kata kerja perintah. Selain itu, pemilihan jenis kata kerja juga dianggap kurang tepat seperti kata kerja transitif diterjemahkan menjadi kata kerja tak transitif, kata kerja perintah menjadi kata kerja semasa yang dilihat sebagai terjemahan perkataan demi perkataan kerana ia hanya

memindahkan struktur dan sistem bahasa sumber kepada bahasa sasaran tanpa mengambil kira pembaca bahasa sasaran. Terjemahan perkataan demi perkataan juga diperkenalkan oleh Catford dan dikenali dengan nama lain seperti terjemahan kata demi kata, terjemahan terikat, terjemahan katawi.

Meskipun sarjana seperti Munday yang tidak membezakan antara terjemahan literal dengan terjemahan perkataan demi perkataan, namun pengkaji melihat bahawa penterjemahan al-Quran jelas membezakan antara kedua-dua jenis prosedur terjemahan. Hal ini kerana bahasa al-Quran yang mempunyai makna pelbagai yang penterjemah perlu berhati-hati ketika proses penterjemahan dilakukan seperti aspek bahasa yang dilihat ketara dalam terjemahan Tafsir Nur al-Ihsan. Melihat hal ini, maka Newmark membezakan antara kedua-dua prosedur ini menjadikan pengkaji nampak lebih jelas perbezaan tersebut ketika analisis teks terjemahan dilakukan.

Pengkaji juga melihat bahawa prosedur penambahan yang dibuat oleh penterjemah sebahagian besar menjuruskan kepada maksud untuk menjelaskan isi kandungan bahasa sumber kepada pembaca bahasa sasaran. Namun terdapat penambahan yang kurang tepat dengan sistem bahasa sumber seperti terjemahan kata ganti nama banyak (*damir jama'*) kepada kata ganti nama tunggal (*damir mufrad*), ia bukan sahaja menyalahi dari segi bahasa tetapi juga menyalahi penjelasan dalam tafsir seperti yang dinyatakan oleh ilmuwan tafsir. Prosedur ini dipilih berdasarkan teori Newmark di samping Nida dan Vinay dan Darbelnet walaupun masing-masing menggunakan istilah yang berbeza. Prosedur ini dilihat bertepatan dengan saranan kebanyakan sarjana terjemahan al-Quran kerana ia dapat memelihara kefahaman yang benar dalam kalangan pembaca bahasa sasaran dan menjauhkan mereka dari salah faham tentang ajaran al-Quran. Prosedur peminjaman juga dipilih oleh penterjemah khususnya melibatkan perkataan yang diterima dalam kosa kata bahasa sasaran dan dapat mengelakkan jurang perbezaan antara sistem bahasa sumber dengan bahasa sasaran di samping menjadikan bahasa sasaran lebih moden. Prosedur ini diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet yang berfungsi untuk mewujudkan persamaan budaya dan teknikal antara dua bahasa yang berbeza.

Proses penterjemahan al-Quran bukanlah suatu yang mudah dan tidak boleh dilakukan oleh sebarang penterjemah melainkan syarat paling asas mestilah penterjemah tersebut seorang Islam yang memahami bahasa Arab

dengan baik. Ini adalah kerana al-Quran mempunyai keunikannya yang tersendiri yang mampu mengalahkan kepetahan lidah penyair Arab sehingga akhirnya mereka tunduk dan mengaku mukjizat al-Quran daripada Allah SWT ini. Penterjemah al-Quran kadangkala akan menghadapi cabaran ketika melakukan penterjemahan al-Quran disebabkan kekangan yang pelbagai yang perlu ditangani dengan proses kefahaman bahasa Arab dan bahasa sasaran di samping memahami konsep dan teori ilmu terjemahan menurut pandangan sarjana dalam bidang terjemahan. Pengkaji mendapati bahawa bahawa kebanyakan prosedur terjemahan al-Quran, maka terjemahan makna (*tafsiriyyah*) iaitu terjemahan dengan penjelasan adalah lebih selamat seperti yang disepakati oleh kebanyakan sarjana Islam kerana ia dapat memelihara kefahaman pembaca bahasa sasaran di samping memberi penjelasan kepada makna sebenar al-Quran.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada kertas cadangan bagi penyelidikan peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA (UiTM). Terima kasih diucapkan kepada sidang penyunting *Journal of Contemporary Islamic Studies* khususnya ketua editor dan penilai manuskrip ini yang memberi pandangan dan cadangan penambahbaikan ke arah penghasilan kajian yang lebih baik.

RUJUKAN

- Ahmad Nazuki, Azman Che Mat dan Nur Hafizah Ahmad Tajuddin. (2019). Pola Mansubat dan terjemahannya dalam surah al-Baqarah. Dlm Idris Mansor (Sunt.). *Isu-isu dalam terjemahan Arab-Melayu (97-124)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. (1399H). *Safwah al-Tafasir* (Jilid 1). Kaherah: Dar al-Sabuni.
- Asmah Omar. (1986). *Nahu Melayu Mutakhir* (edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2010). *Teori dan Teknik Terjemahan* (edisi keempat). Batu Cave: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Catford, J.C. (1978). *A linguistic theory of translation* (5th edition). Oxford: Oxford University Press.

Hamka. (2015). *Tafsir al-Azhar Jilid 1*. Batu Cave: PTS Publishing House.

Hassan Mustapha. (2001). Koran Translation. In Mona Baker (Ed.), *Routledge Encyclopedia of Translation Studies* (200-204). London and New York: Routledge Taylors and Francis Group.

Hashim Musa dan Halimah Pondo. (2012). *Isu Sosiolinguistik di Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Idris Mansor. (2014). Pendekatan Terjemahan. Dlm. Haslina Haroon and Hasuria Che Omar (Sunt.). *Asas Terjemahan dan Interpretasi* (58-75). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Idris Mansor. (2015). Prosedur Peminjaman dan Elemen Sosiobudaya dalam Terjemahan Rihlat Ibn Battutah: *Kajian Malaysia*. 33(2): 61-81.

Idris Mansor. (2019). Terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu. Dlm Idris Mansor (Sunt.). *Isu-isu dalam terjemahan Arab-Melayu* (68-96). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (edisi keempat). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kasyfullah Abdul Kadir & Idris Mansor. (2015). Kawalan dan Naungan terhadap Aktiviti Penterjemahan al-Quran di Malaysia. Dlm. Haslina Haroon, Hasuria Che Omar, Goh Sang Seong dan Norizah Ardi (Eds.). *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-15*(33-43). Kuala Lumpur: PPM, ITBM, DBP dan Perbadanan Kota Buku.

- Mohd Hilmi Abdullah. (2012). *Konsep, kaedah dan teknik terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Kubu Bharu: Pustaka Hilmi.
- Mohd Isa Bakar et al. (2018). Dlm. Maryam Azlan et al. (Eds.). *Panduan Penulisan Akademik* (1-16). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Shukri Hanapi. (2003). *Terjemahan al-Quran dalam pelbagai Perspektif*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Arsyad Abdul Majid. (2009). *Terjemahan Arab-Melayu dari sudut makna pengkhususan: satu analisis pendepanan dalam surah al-Baqarah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2006). *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Muhammad Firdaus dan Mohd Hazwan. (2016). Perbandingan Teori Penterjemahan Arab-Melayu dalam al-Quran. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*. KUIS.
- Muhammad Firdaus Abd. Manaf dan Maheram Ahmad. (2018). *Terjemahan kata kerja berimbuhan dalam al-Quran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Said Umar. (1931). *Tafsir Nurul Ihsan, Jilid 1*. Matba'ah bin Halabi: Pattani.
- Munday, J. (2008). *Introducing Translation Studies: Theories and Applications*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Munday, J. (2009). *The Routledge Companion to Translation Studies*. London & New York: Routledge.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. Hempstead: Prentice Hall.

- Nida, E. (1964). *Toward a Science of Translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan* (edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*. (2013). Batu Cave: al-Hidayah House of Quran Sdn Bhd.
- Vinay, J.P. & Darbelnet, J. (1995). *Comparative Stylistics of French and English: A Methodology for Translation*. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.